



25 November 2021
25 November 2021
P.U. (B) 607

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Pemberitahuan No. 300/1962 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Selangor* pada 24 Mei 1962, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Raja dalam Majlis oleh subseksyen 24(i) Kanun Tanah [*N.M.B. Bab 138*] dan diwakilkan kepadanya, Menteri Besar Selangor telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang terletak di dalam bandar Kuala Lumpur, yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas pelan ukur hasil No. 24,104, yang disimpan di pejabat Ketua Juruukur, Selangor, menjadi suatu rizab bagi maksud suatu tapak pasar dan hentian sebelah untuk bas, yang disenggarakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, sebagaimana yang diubah suai melalui Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara), 1974 [*P.U. (A) 56/1974*] dan diwakilkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Pewakilan Kuasa di bawah Seksyen 13 [*P.U. (B) 108/2003*], Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memberikan notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan siasatan oleh Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berhubung dengan cadangan pembatalan itu akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tingkat 2, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur mulai pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang pada 8 Disember 2021 dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap cadangan pembatalan itu boleh hadir ke siasatan itu.